

# GARIS PANDUAN PENULISAN ULASAN BAHAN BACAAN

## 1. Penyediaan bibliografi bahan bacaan

- a) Nama pengarang
- b) Judul
- c) Tempat terbitan
- d) Nama penerbit
- e) Tahun terbitan
- f) ISBN (Jika ada)

Contoh :

ZULKIFLI SALLEH  
**Bahasa dan Isu-isu Sosiobudaya**  
Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors, 2019.  
ISBN 978-983-49-2128-6

## 2. Kandungan Ulasan

- a) Kenalpasti tema bahan bacaan. Objektif penulis menulis bahan bacaan tersebut.
- b) Kenalpasti skop kajian. Tempoh liputan kajian.
- c) Nyatakan bidang umum bahan bacaan.
- d) Hujah pengarang bagi menyokong tema.
- e) Penilaian pengulas akan kejayaan pengarang menyampaikan pendapat dan fakta.
- f) Kaedah penyampaian bukti yang digunakan oleh pengarang.
- g) Kenalpasti sumber penulisan (temuramah, surat menyurat, surat khabar dll.)
- h) Kenalpasti kumpulan sasaran bahan bacaan.

## 3. Nahu dan gaya

- a) Menggunakan ayat *present tense* semasa membicarakan tentang bahan bacaan dan pengarang. Menggunakan *past tense* apabila membicarakan tentang isi kandungan bahan bacaan.
- b) Tidak mengulangi maklumat yang terdapat dalam bibliografi, seperti nama pengarang dan judul buku berulang kali.
- c) Gunakan nama penuh sekiranya menyebut nama seseorang pada kali pertama.
- d) Digalakkan penggunaan ayat aktif berbanding ayat pasif.
- e) Gaya penulisan yang mampu menarik perhatian pembaca untuk mendapatkan bahan bacaan dan lebih memahami kandungan bahan tersebut.

## 4. Menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.

## 5. Ulasan hendaklah ditaip menggunakan font Arial, saiz 12 dan 1.5 spacing.

## 6. Panjang ulasan di antara 500-700 patah perkataan.

